



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 69**

**26hb Mei 2016**

**No. 11**

---

---

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984

NATIONAL FORESTRY ACT 1984

**No. 1264.**

ENAKMEN AKTA PERHUTANAN  
NEGARA 1984 (PEMAKAIAN) 1985

NATIONAL FORESTRY ACT 1984 (ADOPTION)  
ENACTMENT 1985

PELANTIKAN DAN PEMBATALAN PELANTIKAN PEGAWAI PERHUTANAN  
DI DAN BAGI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

APPOINTMENT AND REVOCATION OF APPOINTMENT FORESTRY  
OFFICERS IN AND OF THE STATE OF PERAK DARUL RIDZUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*], seperti yang diterima pakai oleh Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 [*Enakmen Bil. 3 tahun 1985*] Pihak Berkuasa Negeri melantik pegawai-pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual Pertama untuk memegang jawatan yang dinyatakan bersetentangan dengan nama mereka masing-masing dalam ruang (2) berkuat kuasa mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3).

2. Pelantikan pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual Kedua yang memegang jawatan yang dinyatakan bersetentangan dengan nama mereka masing-masing dalam ruang (2) adalah dibatalkan mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3).

In exercise of the powers conferred by subsection 3(1) of the National Forestry Act 1984 [*Act 313*], as adopted by the National Forestry Act 1984 (Adoption) Enactment 1985 [*Enactment No. 3 of 1985*], the State Authority appoints the officer named in column (1) of the First Schedule to hold the offices specified against their respective names in column (2) with effect from the dates specified in column (3).

2. The appointment of officers named in column (1) of the Second Schedule holding the offices specified against their respective names in column (2) is revoked with effect from the dates specified in column (3).

## JADUAL PERTAMA / FIRST SCHEDULE

(1)	(2)	(3)
Encik Azni Rahman bin A. Wahid	Timbalan Pengarah (Operasi) Deputy Director (Operation)	01.10.2015
Encik Muhamad Ezhar bin Yusuf @ Antik	Penolong Pengarah (Perancangan dan Pengurusan) (Assistant Director Planning and Management)	02.11.2015
Cik Rosaizan Haryani binti Rosli	Penolong Pengarah (Silvikultur dan Perlindungan) Assistant Director (Silviculture and Protection)	01.10.2015
Puan Siti Syafiqah binti Yusof	Penolong Pengarah (Hutan Lipur) Assistant Director (Recreational Forest)	01.08.2014

## JADUAL KEDUA / SECOND SCHEDULE

(1)	(2)	(3)
Encik Muhamed Ali bin Haji Hawari	Timbalan Pengarah (Operasi)	01.02.2015
Encik Nor Azirim bin Ahmad	Penolong Pengarah (Silvikultur dan Perlindungan)	15.09.2015

Bertarikh 28 April 2016  
Dated 28 April 2016  
[PSUK.Pk.(PSM) 1A 355/9/4;  
PU.Pk. 27/05]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI  
*Setiausaha/Secretary*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan/State Executive Council*  
*Perak Darul Ridzuan*

No. 1265.

ENAKMEN AKTA PERHUTANAN  
NEGARA 1984 (PEMAKAIAN) 1985  
NATIONAL FORESTRY ACT 1984 (ADOPTION)  
ENACTMENT 1985

PENGELUARAN SEBAHAGIAN KAWASAN TANAH  
DARIPADA HUTAN SIMPAN PIAH

EXCISION OF PART OF LAND FROM THE  
PIAH FOREST RESERVE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 11 dan 13 Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*], seperti yang diterima pakai oleh Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 [*En. Bil. 3 tahun 1985*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengisytiharkan bahawa mulai dari tarikh disiarkan Pemberitahuan ini dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak*, maka kawasan yang diperihalkan dalam Jadual yang menjadi sebahagian daripada kawasan yang diisytiharkan sebagai Hutan Simpan Piah yang disiarkan melalui *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu No. 164* bertarikh 29 Januari 1915 hendaklah terhenti menjadi sebahagian daripada Hutan Simpan Kekal itu.

JADUAL

Kawasan seluas lebih kurang 2,252.881 hektar dalam Mukim Lenggong, Daerah Hulu Perak bergaris tepi warna kelabu pada PW 4217 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Perak.

Bertarikh 28 April 2016  
[PTG.Pk. 270/8-113(D); PUPKW233\_2015;  
PU.Pk. 67/71-47 Jld. 5]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by sections 11 and 13 of the National Forestry Act 1984 [*Act 313*], as adopted by the National Forestry Act 1984 (Adoption) Enactment 1985 [*En. No. 3 of 1985*], the State Authority hereby declares that from the date of publication of this Notification in the Government *Gazette*, the area described in the Schedule being part of the area declared as the Piah Forest Reserve published *vide* Federated Malay States Government *Gazette* No. 164 dated 29 January 1915 shall cease to be part of the Permanent Reserved Forest.

## SCHEDULE

The area of approximately 2,252.881 hectares in the Mukim of Lenggong, District of Hulu Perak outlined in grey on PW 4217 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping, Perak.

Dated 28 April 2014  
[PTG.Pk. 270/8-113(D); PUPKW233\_2015;  
PU.Pk. 67/71-47 Jld. 5]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak Darul Ridzuan*

**No. 1266.**

## AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA

PEMBERITAHUAN PERSETUJUAN PIHAK BERKUASA NEGERI KEPADA  
DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS DAERAH BATU GAJAH 2025

NOTIFICATION OF STATE AUTHORITY'S ASSENT TO THE  
DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS DAERAH BATU GAJAH 2025

Menurut subseksyen 15(4) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*], adalah diberitahu bahawa Pihak Berkuasa Negeri Perak telah memberi persetujuan pada 6 April 2016 kepada:

Draf Rancangan Tempatan Majlis Daerah Batu Gajah 2025.

2. Draf Rancangan Tempatan Majlis Daerah Batu Gajah 2025 itu sekarang dikenali sebagai Rancangan Tempatan Majlis Daerah Batu Gajah 2025 dan boleh diperiksa di Majlis Daerah Batu Gajah dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan dalam waktu pejabat.

Bertarikh 27 April 2016  
[JPBD.PK. 10/RTD/1018 JLD.2(62)]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak Darul Ridzuan*

Pursuant to subsection 15(4) of the Town and Country Planning Act 1976 [*Act 172*], it is notified that the State Authority of Perak has given its assent on 6 April 2016 to the:

Draf Rancangan Tempatan Majlis Daerah Batu Gajah 2025.

2. The Draft Rancangan Tempatan Majlis Daerah Batu Gajah 2025 is now identified as the Rancangan Tempatan Majlis Daerah Batu Gajah 2025 and may be inspected at the Batu Gajah District Council and Department of Town and Country Planning, Perak Darul Ridzuan during office hours.

Dated 27 April 2016  
[JPBD.PK. 10/RTD/1018 JLD.2(62)]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak Darul Ridzuan*

**No. 1267.**

PEMBERITAHUAN PERSETUJUAN PIHAK BERKUASA NEGERI KEPADA  
DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KAMPAR 2030

NOTIFICATION OF STATE AUTHORITY'S ASSENT TO THE  
DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KAMPAR 2030

Menurut subseksyen 15(4) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*], adalah diberitahu bahawa Pihak Berkuasa Negeri Perak telah memberi persetujuan pada 6 April 2016 kepada:

Draf Rancangan Tempatan Daerah Kampar 2030.

2. Draft Rancangan Tempatan Daerah Kampar 2030 itu sekarang dikenali sebagai Rancangan Tempatan Daerah Kampar 2030 dan boleh diperiksa di Majlis Daerah Kampar dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan dalam waktu pejabat.

Bertarikh 28 April 2016  
[JPBD.PK. 10/RTD/1017(62)]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak Darul Ridzuan*

Pursuant to subsection 15(4) of the Town and Country Planning Act 1976 [*Act 172*], it is notified that the State Authority of Perak has given its assent on 16 April 2016 to the:

Draf Rancangan Tempatan Daerah Kampar 2030.

2. The Draft Rancangan Tempatan Daerah Kinta 2030 is now identified as the Rancangan Tempatan Daerah Kampar 2030 and may be inspected at the Kampar District Council and Department of Town and Country Planning, Perak Darul Ridzuan during office hours.

Dated 28 April 2016  
[JPBD.PK. 10/RTD/1017(62)]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak Darul Ridzuan*

## KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

## NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

**No. 1268.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Tebuk Yan, Mukim Pengkalan Baharu, Daerah Manjung yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk saraan Surau Islahiah dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak.

## JADUAL

Daerah—Manjung. Mukim—Pengkalan Baharu. No. Pelan—PA 08-066746.  
No. Lot—3167. Luas—1.236 hektar.

Bertarikh 28 April 2016

[PTG.Pk. 236/4-40(C); PT.MJG 625/2-91; PU.PK 393-78;

PU.Pk. 67/71-54 Jld. 74]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI

*Setiausaha**Majlis Mesyuarat Kerajaan**Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Wilayah Tebuk Yan, Mukim of Pengkalan Baharu, District of Manjung described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for the remuneration of Surau Islahiah and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Perak Council of Religion and Malay Customs.

## SCHEDULE

District—Manjung. Mukim—Pengkalan Baharu. Plan No.—PA 08-066746.  
Lot No.—3167. Area—1.236 hectares.

Dated 28 April 2016

[PTG.Pk. 236/4-40(C); PT.MJG 625/2-91; PU.PK 393-78;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 74]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak Darul Ridzuan*

**No. 1269.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Bandar Gerik, Mukim Gerik, Daerah Hulu Perak yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk tujuan Rumah Kakitangan Kerajaan (Kwarters Kerajaan) dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh badan atau orang-orang yang dilantik oleh Pegawai Daerah Hulu Perak.

## JADUAL

Daerah—Hulu Perak. Bandar—Gerik. No. Pelan—PA 150084. No. Lot—20110.  
Luas—2,918 meter persegi.

Bertarikh 28 April 2016

[PTG.Pk. 238/4-85(C); PT.GK. 352/116/04/2014;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 74]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Town of Gerik, Mukim of Gerik, District of Hulu Perak described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for an Government Staff Quarters (Quarters Government) and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the board or persons appointed by the Hulu Perak District Officer.

## SCHEDULE

District—Hulu Perak. Town—Gerik. Plan No.—PA 150084. Lot No.—20110.  
Area—2,918 square metres.

Dated 28 April 2014  
[PTG.Pk. 238/4-85(C); PT.GK. 352/116/04/2014;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 74]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak Darul Ridzuan*

**No. 1270.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Kg. Sayung, Mukim Sayung, Daerah Kuala Kangsar yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk perkuburan Islam dan Makam Sultan Ali dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak.

## JADUAL

Daerah—Kuala Kangsar. Mukim—Sayung. No. Pelan—PW 4221. No. Lot—5516. Luas—7,524 meter persegi.

Bertarikh 28 April 2016  
[PTG.Pk. 241/7-32(C); PTKK(RIZ)07/9-14;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 74]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Wilayah Kg. Sayung, Mukim of Sayung, District of Kuala Kangsar described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a muslim cemetery and Tomb of Sultan Ali and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Perak Council of Religion and Malay Customs.



## SCHEDULE

District—Kuala Kangsar. Town—Sayung. Plan No.—PW 4221. Lot No.—5516.  
Area—7,524 square metres.

Dated 28 April 2014  
[PTG.Pk. 241/7-32(C); PTKK(RIZ)07/9-14;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 74]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak Darul Ridzuan*

**No. 1271.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Acta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Bukit Klian, Mukim Selama, Daerah Larut, Matang dan Selama yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Kuil Hindu dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh pihak yang dilantik oleh Jawatankuasa Pengurusan Kuil.

## JADUAL

Daerah—Larut, Matang dan Selama. Mukim—Selama. No. Pelan—PA 136720.  
No. Lot—10001. Luas—262 meter persegi.

Bertarikh 28 April 2016  
[PTG.Pk. 242/9-62(C); P.T.SEL.A/1/SEL/8/07;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 74]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Wilayah Bukit Klian, Mukim of Selama, District of Larut, Matang and Selama described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for Hindu Temple and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the party appointed by the Temple Management Committee.

## SCHEDULE

District—Larut, Matang and Selama. Mukim—Selama. Plan No.—PA 136720.  
Lot No.—10001. Area—262 square metres.

Dated 28 April 2016  
[PTG.Pk. 242/9-62(C); P.T.SEL.A/1/SEL/8/07;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 74]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak Darul Ridzuan*

**No. 1272.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Kawasan RPT Kubu Gajah, Mukim Selama, Daerah Larut, Matang dan Selama yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Kegunaan Awam (Taman Permainan) dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Daerah Selama.

## JADUAL

Daerah—Larut, Matang dan Selama. Mukim—Selama. No. Pelan—PA 148487.  
No. Lot—46818. Luas—13,379 meter persegi.

Bertarikh 28 April 2016  
[PTG.Pk. 242/9-65(C); P.T.SEL.A/9/SEL/4/12;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 74]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in RPT Kubu Gajah area, Mukim of Selama, District of Larut, Matang and Selama described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a Public Purpose (Palyground) and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Selama District Council.

## SCHEDULE

District—Larut, Matang and Selama. Mukim—Selama. Plan No.—PA 148487.  
Lot No.—46818. Area—13,379 square metres.

Dated 28 April 2016  
[PTG.Pk. 242/9-65(C); P.T.SEL.A/9/SEL/4/12;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 74]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak Darul Ridzuan*

**No. 1273.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Acta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Jalan Taman Merdeka, Mukim Selama, Daerah Larut, Matang dan Selama yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Bangunan (Pejabat JKR) dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya Larut, Matang dan Selama.

## JADUAL

Daerah—Larut, Matang dan Selama. Mukim—Selama. No. Pelan—PA 148920.  
No. Lot—46817. Luas—1,130 meter persegi.

Bertarikh 28 April 2016  
[PTG.Pk. 242/9-66(C); P.T.SEL.A/9/SEL/3/09;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 74]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Jalan Taman Merdeka, Mukim of Selama, District of Larut, Matang and Selama described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for Building (Public Works Department Office) and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Larut, Matang and Selama Public Works Department.

## SCHEDULE

District—Larut, Matang and Selama. Mukim—Selama. Plan No.—PA 148920.  
Lot No.—46817. Area—1,130 square metres.

Dated 28 April 2016

[PTG.Pk. 242/9-66(C); P.T.SEL.A/9/SEL/3/09;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 74]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak Darul Ridzuan*

**No. 1274.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Taman Kuning Maju, Mukim Tupai, Daerah Larut dan Matang yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk tanah lapang/rekreasi menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Perbandaran Taiping.

## JADUAL

1. Daerah—Larut dan Matang. Mukim—Tupai. No. Pelan—PW 3881. No. Lot—13611. Luas—9,473 meter persegi.
2. Daerah—Larut dan Matang. Mukim—Tupai. No. Pelan—PW 3880. No. Lot—13610. Luas—4,040 meter persegi.
3. Daerah—Larut dan Matang. Mukim—Tupai. No. Pelan—PW 3875. No. Lot—13609. Luas—5,254 meter persegi.

Bertarikh 28 April 2016

[PTG.Pk. 242/13-58(C); PTLM.370/10/2006/12;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 74]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Wilayah Taman Kuning Maju, Mukim of Tupai, District of Larut, and Matang described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for an open space/recreation and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Taiping Municipal Council.

## SCHEDULE

1. District—Larut dan Matang. Mukim—Tupai. Plan No.—PW 3881. No. Lot—13611. Area—9,473 meter persegi.
2. District—Larut dan Matang. Mukim—Tupai. Plan No.—PW 3880. No. Lot—13610. Area—4,040 meter persegi.
3. District—Larut dan Matang. Mukim—Tupai. Plan No.—PW 3875. No. Lot—13609. Area—5,254 meter persegi.

Dated 28 April 2016  
[PTG.Pk. 242/13-58(C); PTLM.370/10/2006/12;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 74]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak Darul Ridzuan*

**No. 1275.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di kawasan Pulau Banding, Mukim Temenggor, Daerah Hulu Perak yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Pusat Latihan dan Penyelidikan dan menetapkan bahawa tanah rizab itu hendaklah dikawal dan diselenggarakan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

## JADUAL

Daerah—Hulu Perak. Mukim—Temenggor. No. Pelan—PA 150054. No. Lot—6015. Luas—14,601 meter persegi.

Bertarikh 28 April 2016  
[PTG.Pk. 503/4-32(C); PT.GK.352/103/10/2014;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 74]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in area of Pulau Banding territory, Mukim of Temengor, District of Hulu Perak described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a Research and Training Centre and has designated that the reserved land shall be controlled and maintained by the State Secretary of Perak.

## SCHEDULE

District—Hulu Perak. Mukim—Temengor. Plan No.—PA 150054. Lot No.—6015. Area—14,601 square metres.

Dated 28 April 2016  
[PTG.Pk. 503/4-32(C); PT.GK.352/103/10/2014;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 74]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak Darul Ridzuan*

**No. 1276.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Taman Bunga Raya 3, Mukim Kota Lama Kiri, Daerah Kuala Kangsar yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Sistem dan Perkhidmatan Pembedung dan menetapkan bahawa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Pengarah Jabatan Perkhidmatan Pembedung.

## JADUAL

Daerah—Kuala Kangsar. Mukim—Kota Lama Kiri. No. Pelan—PW 4219. Luas—397 meter persegi.

Bertarikh 28 April 2016  
[PTG.Pk. 513/7-35(C); PTKK(RIZ)04/2-14;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 74]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Wilayah Taman Bunga Raya 3, Mukim of Kota Lama Kiri, District of Kuala Kangsar described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for Sewerage System and Services and has designated that the Federal Lands Commissioner shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Director of Sewerage Services Department.

## SCHEDULE

District—Kuala Kangsar. Mukim—Kota Lama Kiri. Plan No.—PW 4219. Area—397 square metres.

Dated 28 April 2016  
[PTG.Pk. 513/7-35(C); PTKK(RIZ)04/2-14;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 74]

SHAHARUL AZAM BIN SHAARI  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak Darul Ridzuan*

**No. 1277.**

[Subseksyen 64(2)]

## NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH

[Subsection 64(2)]

## NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 1092 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* pada 24 Disember 1909, pada menjalankan kuasa yang terletak hak kepadanya oleh seksyen 8 Enakmen Tanah 1903, Residen telah mengisytiharkan bahagian tanah yang terletak di Bandar Taiping, Daerah Larut, Matang dan Selama yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas Pelan Hasil Ukur yang tersimpan di Pejabat Penguasa Hasil Ukur, Taiping sebagai tanah rizab bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk Keretapi Tanah Melayu yang akan dikawal oleh Pengurus Besar Keretapi Tanah Melayu dan pembantunya di pejabat dan selanjutnya;

Dan bahawasanya, adalah kini didapati suai manfaat oleh Pihak Berkuasa Negeri bahawa perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual;

Maka, oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini memberi notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun itu, mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban tersebut sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan sesiapa jua yang ingin membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak dalam satu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat, Pejabat Daerah dan Tanah Larut dan Matang pada 16 Ogos 2016 jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari.

## JADUAL

Daerah—Larut, Matang dan Selama. Bandar—Taiping. No. Pelan—95-6. No. Lot—1290. Luas—9,000 kaki persegi.

Bertarikh 5 Mei 2016

[PTG.Pk. 242/15-38(C); PTLM.370/48/2011/10;

PU.Pk. 67/71-54 Jld. 73]

SHHRUL AZAM BIN SHARI

*Setiausaha*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan*

*Perak Darul Ridzuan*

Whereas, by Notification No. 1092 published in the Perak Government *Gazette* on 24 December 1909, in exercise of the powers vested in him by section 8 of the Land Enactment, 1903 the Resident proclaims that parcel of land situated in Bandar Taiping, District of Larut, Matang dan Selama described in the Schedule hereto, and delineated on the revenue survey plan, deposited in the office of the Superintendent of Revenue Surveys, Taiping, to be reserves for the purpose of a Railway, to be maintained by the General Manager for Railways, Federated Malay States, and his successors in office;

And whereas, it now appears expedient to the State Authority that the aforesaid reservation should be revoked as described in the Schedule;

Now therefore, in exercise of the powers conferred upon the State Authority under subsection 64(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority hereby gives notice under subsection 64(2) of the Code of the proposal to revoke the reservation described in the Schedule and those who wish to object to such revocation will be heard by the Director of Lands and Mines Office in an inquiry to be held at the Meeting Room, Director of District and Land Office of Larut and Matang on 16 August 2016 at 8.00 a.m to 1.00 p.m.

## SCHEDULE

District—Larut, Matang and Selama. Town—Taiping Township. Plan No.—95-6. Lot No.—1290. Area—9,000 square feet.

Dated 5 May 2016

[PTG.Pk. 242/15-38(C); PTLM.370/48/2011/10;

PU.Pk. 67/71-54 Jld. 73]

SHHRUL AZAM BIN SHARI

*Secretary*

*State Executive Council*

*Perak Darul Ridzuan*



No. 1278.

[Subseksyen 64(2)]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH

[Subsection 64(2)]

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 3057 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* bertarikh 2 Mei 1924, Residen Perak pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 9 Enakmen Tanah 1911, telah mengisytiharkan bahagian tanah yang terletak di Mukim Hulu Bernam Timor, Daerah Batang Padang yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas Pelan *Warta* No. 4183 yang disimpan di Pejabat Penguasa Hasil Ukur sebagai suatu rizab bangunan Kelab Kerajaan yang diselenggarakan oleh Kelab Tanjong Malim;

Dan bahawasanya, adalah kini didapati suai manfaat oleh Pihak Berkuasa Negeri bahawa perizaban tanah yang disebut terdahulu itu dibatalkan sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual;

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun itu mengenai cadangan untuk membatalkan seluruh perizaban tanah tersebut sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan sesiapa jua yang ingin membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian, Perak dalam suatu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat, Pejabat Daerah dan Tanah Slim River pada 13 Jun 2016 jam 10.00 pagi.

JADUAL

Daerah—Batang Padang. Mukim—Hulu Bernam Timur. No. Pelan—4183. No. Lot—6182 dan 6183. Luas—3081 meter persegi dan 1358 meter persegi.

Bertarikh 5 Mei 2016

[PTG.Pk. 407/1-497(B); PTSR(T)67/2-243;

PU.Pk. 67/71-54 Jld. 74]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak Darul Ridzuan*

Whereas, by Notification No. 3057 published in the Federated Malay States Government *Gazette* dated 2 May 1924, the Resident of Perak in exercise of the powers vested in him by section 9, The Land Enactment 1911 proclaimed that the parcel of land situated in Mukim Hulu Bernam Timor described in Schedule and delineated upon Plan No. 4183 deposited in the Office of the Superintendent of Revenue Surveys as a Government building club to be maintained and controlled by Tanjong Malim Club;

And whereas, it now appears expedient to the State Authority that the aforesaid reservation should be revoked as described in the Schedule;

Now therefore, in exercise of the powers conferred upon the State Authority under subsection 64(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority hereby gives notice under subsection 64(2) of the Code of the proposal to revoke wholly the reservation as described in the Schedule and those who wish to object to such revocation will be heard by the Director of Lands and Mines, Perak in an inquiry to will be held at the Meeting Room, District and Land Office, Slim River on 13 June 2016 at 10.00 a.m.

## SCHEDULE

District—Batang Padang. Mukim—Hulu Bernam Timur. Plan No.—4183. Lot No.—6182 and 6183. Area—3081 square metres and 1358 square metres.

Dated 5 May 2016  
[PTG.Pk. 407/1-497(B); PTSR(T)67/2-243;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 74]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak Darul Ridzuan*

**No. 1279.**

(Seksyen 97 dan 98)

## NOTIS TUNTUTAN HASIL TERHUTANG

Kepada Abdul Ghani bin Mohamed Tahir, yang beralamat di —, tuannya tanah/tanah-tanah yang diperihalkan dalam ruangan pertama dan kedua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya sewa yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah yang tersebut dan yang genap masa berkenaan dengan tahun ini masih belum dibayar dan mulai dari 1hb Jun, adalah dalam tunggakan.

Kamu adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah Daerah ini/di Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Batu Gajah Perak, segala jumlah wang yang sekarang genap masa sebagaimana yang dimasukkan dalam ruangan ketiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan ambil perhatian bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah berkenaan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

## JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Perihal dan No. Hakmilik	No. Lot/P.T.	Sewa tahun ini	Tunggakan dari tahun-tahun yang lepas	Fee-fee dll., yang dikenakan sebagai sewa	Tunggakan Fee/Fee-fee	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
Sungai Terap	Lot	2016	1980 - 2015	Denda Lewat 1980 - 2015	Notis 6A	
GERAN MUKIM						
GM						
426	38104	RM10.00	RM168.00	RM8.40	RM20.00	RM206.40

Bertarikh 13 April 2016  
[PTBG. 110/3-169]

*Pentadbir Tanah  
Kinta, Batu Gajah*

**No. 1280.**

(Seksyen 97 dan 98)

## NOTIS TUNTUTAN HASIL TERHUTANG

Kepada Sharifah Nor Hashimah bt. Syed Kamaruddin, yang beralamat di No. 21, Laluan Tasek Timur 6, Taman Seri Dermawan, 31400 Ipoh tuanpunya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1hb Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah Daerah ini/ di Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Ipoh, segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

## JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik	No. Lot/P.T.	Hasil tahun ini	Hutang dari tahun-tahun yang lepas	Bayaran dll. yang dikenakan sebagai hasil	Bayaran-bayaran terhutang	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
Ulu Kinta	Lot	2016	2002 - 2015	Denda Lewat 2002 - 2015	Notis 6A	
GERAN MUKIM						
00000606	050957	RM187.00	RM3,420.00	RM171.00	RM20.00	RM3,781.00

## TAMBAHAN

Kepada Malaysia Building Society Berhad, yang beralamat di 45, Prsn. Greenhill Ipoh 30450 Perak Darul Ridzuan pemegang gadai/pemegang pajak kecil/Penyewa/pemegang *lien*/pengkaveat/pemegang isemen.

Sekiranya tuan/puan ada sebab mempercayai bahawa tuan/punya bagi tanah yang dijadualkan di atas itu dan yang atasnya tuan/puan ada hak mempunyai atau menuntut sesuatu kepentingan akan mungkin daripada membayar wang-wang yang sekarang ini ditetapkan sebagai kena dibayar berkenaan dengannya maka tuan/puan boleh mengelakkan tanah itu daripada dirampas dengan membayar sepenuhnya kepada Pentadbir Tanah, dalam tempoh yang dinyatakan itu, jumlah wang yang kena dibayar berkenaan dengan tanah itu.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa (dengan tidak melemahkan apa-apa hak di bawah seksyen itu untuk mendakwa tuan/punya itu secara terus) menurut kuasa peruntukan-peruntukan seksyen 98, Kanun Tanah Negara, hak-hak istimewa bagi mendapat balik bayaran-bayaran adalah seperti berikut:-

- apa-apa wang yang dibayar oleh pemegang gadai hendaklah ditambahkan kepada bayaran yang pertama yang kena dibayar kemudian daripadanya atas gadaian itu;
- apa-apa wang yang dibayar oleh pemajak, pemajak kecil ataupun penyewa boleh didapatkan balik dengan memotong jumlah wang itu daripada apa-apa sewa yang ia kena membayar pada masa itu atau kemudian daripada itu kepada tuan/punya tanah itu atau kepada sesiapa yang daripadanya tanah itu dipegang;
- seseorang pemajak, pemajak kecil atau penyewa yang menanggung apa-apa tanggungan tambahan atau apa-apa potongan menurut seksyen itu boleh mendapat balik jumlah wang yang ditanggung atau dipotong itu dengan membuat potongan sejumlah itu juga daripada jumlah bayaran sewa yang kena dibayar olehnya.

**No. 1281.**

(Seksyen 97 dan 98)

## NOTIS TUNTUTAN HASIL TERHUTANG

Kepada Zulkifli bin Abd. Hamid, yang beralamat di No. 18, Jalan Kekwa, RPT Pengkalan Pegoh 31500 Lahat Perak tuanpunya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1hb Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah Daerah ini/ di Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Ipoh, segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

## JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik	No. Lot/P.T.	Hasil tahun ini	Hutang dari tahun-tahun yang lepas	Bayaran dll. yang dikenakan sebagai hasil	Bayaran-bayaran terhutang	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
Ulu Kinta	Lot	2016	1995 - 2015	Denda Lewat 1995 - 2015	Notis 6A	
PAJ MUKIM						
00018667	0200381	RM183.00	RM3,996.00	RM199.80	RM20.00	RM4,381.80

Bertarikh 03 Mei 2016  
[PTK(I) No.16/08/12/16-2]

HAJI TARMIDZI BIN ABD. MANAP  
*Pentadbir Tanah  
Kinta*

**No. 1282.**

(Seksyen 97 dan 98)

## NOTIS TUNTUTAN HASIL TERHUTANG

Kepada Ahmad Jarjis b. Yaakub, yang beralamat di 229, Jalan Intan Kg. Dato Ahmad Said 30020 Ipoh Perak Darul Ridzuan tuanpunya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1hb Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah Daerah ini/ di Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Ipoh, segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik	No. Lot/P.T.	Hasil tahun ini	Hutang dari tahun-tahun yang lepas	Bayaran dll. yang dikenakan sebagai hasil	Bayaran-bayaran terhutang	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
Ulu Kinta	Lot	2016	2000 - 2015	Denda Lewat 2000 - 2015	Notis 6A	
PAJ MUKIM						
00021944	0320706	RM187.00	RM3,434.00	RM171.70	RM20.00	RM3,795.70

Bertarikh 03 Mei 2016  
[PTK(I) No.16/08/12/16-3]

HAJI TARMIDZI BIN ABD. MANAP  
*Pentadbir Tanah*  
*Kinta*

**No. 1283.**

(Seksyen 100)

PERINTAH PENTADBIR TANAH

